

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 21 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0836
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Program Prihatin dan PENJANA. Adakah program-program ini akan diteruskan lagi dengan pengumuman lain yang baru kerana ianya mendatangkan manfaat yang besar kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi negara.

2. PR-1432-MQT0835
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan dapat menjamin tarif air di Lembah Klang tidak naik selepas Kerajaan menyerahkan Loji Rawatan Air Langat 2 kepada Pengurusan Air Selangor untuk mengelakkan bebanan pengguna. Ini kerana Kerajaan PH memberi jaminan kadar faedah yang diberikan kepada syarikat pengurusan air adalah pada kadar nominal dan tidak membebankan.

3. PR-1432-MQT0833
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan matlamat penganjuran Kempen Jualan Malaysia (KJM) dan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2020. Bagaimana konsep KBBM dan KJM yang akan digerakkan oleh Kementerian kali ini terutama dalam membantu memulihkan aktiviti ekonomi dalam negeri yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 21 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09692
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
 - (a) sejauh manakah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) pameran teknologi generasi kelima, atau 5G Malaysia telah dilaksanakan dan berapa jumlah kawasan yang masih lagi di bawah penggunaan internet 2G (*2nd Generation wireless telephone technology*) dan 3G (*3rd Generation*) di Sabah terutamanya di Parlimen Kimanis; dan
 - (b) apakah plan strategik kerajaan bagi membangunkan e-Ekonomi digital di kawasan pedalaman Sabah dan tindakan yang telah diambil sehingga kini bagi menyelesaikan masalah liputan telekomunikasi di Sabah.

2. PR-1432-L09147
Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi pihak Kerajaan untuk mengembalikan defisit fiskal ke paras 3% dalam masa 2 ke 3 tahun setelah mencapai 6.9% selepas memperkenalkan beberapa pakej rangsangan semasa pandemik COVID-19.

3. PR-1432-L09405
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
 - (a) apakah usaha pihak Kementerian bagi membantu pengusaha inap desa yang terpaksa membayar kos penyelenggaraan tinggi dalam keadaan inap desa tidak dikunjungi pelanggan akibat pandemik COVID-19; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian akan memastikan industri inap desa mampu bertahan.
4. PR-1432-L09189
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini rundingan antara Malaysia dan Singapura berkaitan pembangunan Projek Sistem Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura.
5. PR-1432-L09359
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pelaksanaan projek pembinaan gantian penuh enam (6) bilik darjah dan enam (6) rumah guru berserta kemudahan lain-lain bagi Sekolah Kebangsaan Sebemban, Bahagian Betong Sarawak dalam RMK-11, yang dijanjikan akan ditender pada bulan Disember 2018 dan sehingga kini projek itu masih belum dilaksanakan.
6. PR-1432-L09608
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian bagi membantu petani, penternak, nelayan, dan peladang memasarkan produk dan hasil pertanian mereka menerusi platform digital.
7. PR-1432-L09365
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kementerian mengenai harga tiket penerbangan antara wilayah Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia yang terlalu tinggi dan adakah satu garis masa telah ditetapkan untuk mengembalikan harga tiket kepada tahap yang mampu milik seperti sebelum krisis pandemik COVID-19 bermula.

8. PR-1432-L09157
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang dirancang oleh Kementerian untuk memastikan yang Malaysia tidak lagi menjadi pusat transit atau terlibat dalam memperdagangkan haiwan liar selepas pandemik COVID-19 ini.
9. PR-1432-L09650
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membantu golongan sasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.
10. PR-1432-L09539
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD), bilakah KPM akan menerbitkan laporan tersebut untuk dikongsi bersama rakyat serta apakah pendirian KPM terhadap dapatan jawatankuasa tersebut.
11. PR-1432-L08774
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini bayaran balik GST tertunggah sepanjang tempoh PKP dan PKPB yang dibuat mulai 22 Jun 2020.
12. PR-1432-L09474
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan membentangkan Rang Undang-Undang berkaitan Gangguan Seksual bagi melindungi hak mangsa yang terlibat, dan apakah perkembangan tindakan bagi memastikan kes mangsa dicabuli kehormatan atau gangguan seksual ditangani secara berkesan sebelum RUU ini dibentangkan.
13. PR-1432-L09292
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan pelajaran murid-murid di kawasan luar bandar atau pedalaman tidak tercicir sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bermula 18 Mac lepas akibat permasalahan 'jurang digital'.

14. PR-1432-L08880
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perniagaan yang telah menerima Geran PKS Mikro RM3,000 setakat ini dan apakah tahap keberkesanan geran ini dalam menjamin keberlangsungan PKS.
15. PR-1432-L10053
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan *Technical and Vocational Education Training* (TVET) merupakan antara salah satu fokus utama Kerajaan di mana dijangka akan memenuhi lebih daripada 60% daripada tenaga kerja di Malaysia menjelang tahun 2020 :-
- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk melibatkan industri swasta dalam memperkasakan TVET selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK); dan
 - (b) bagi mengarusperdanakan TVET selari dengan aliran pendidikan perdana, apakah usaha Kerajaan dalam memberi pengiktirafan kepada pelatih-pelatih TVET di bawah *Malaysian Qualification Agency* (MQA).
16. PR-1432-L09525
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk menuntut semula tunggakan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dari penjana-penjana kuasa bebas (IPP). Berapa jumlah yang telah dituntut sejak Mac 2020.
17. PR-1432-L09012
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah dana/derma politik serta pendapatan dari luar negara dikenakan cukai oleh LHDN. Jika dikenakan cukai kepada 2 kategori itu, nyatakan jumlah cukai yang telah dibayar oleh setiap parti politik dan pemimpin politik di negara ini sejak dulu hingga sekarang. Jika tidak dikenakan cukai, mengapa ada pemimpin parti politik yang dihadapkan ke mahkamah mengenainya.
18. PR-1432-L09616
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap larangan penjualan minuman alkohol akibat kes mabuk langgar yang berleluasa dan apakah dapatan hasil soal selidik dalam talian yang telah dilakukan oleh Kementerian berkenaan 'Pengambilan Alkohol dan Penguatkuasaan Undang-undang Yang Lebih Tegas Terhadap Kesalahan Memandu Dalam Keadaan Mabuk'.

19. PR-1432-L09035
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam mengembangkan lagi Projek Tenusu Kambing di bawah Dana Penyelidikan KPT, setelah pembentangan laporan akhir diadakan pada penghujung tahun 2019.
20. PR-1432-L08847
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menggembeleng dana untuk membiayai Pakej Prihatin dan Prihatin Tambahan yang menelan kos RM260 bilion dan Pakej Penjana Rangsangan Ekonomi yang menelan belanja RM35 bilion.
21. PR-1432-L09375
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan secara terperinci Skim Diskaun Prihatin dan Skim Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) yang dilaksanakan baru-baru ini dan kenapakah terdapat rungutan daripada ramai pengguna bahawa berlaku kenaikan bil elektrik sepanjang tempoh tersebut.
22. PR-1432-L09743
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini hutang negara dan adakah dakwaan Kerajaan terdahulu bahawa kewangan Malaysia adalah teruk dan Malaysia boleh bankrap itu adalah benar.
23. PR-1432-L10015
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mempertingkatkan Port Dickson menjadi pusat pelancongan wilayah tengah Semenanjung Malaysia.
24. PR-1432-L09713
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengembalikan kemudahan diskaun untuk pembayaran balik pinjaman PTPTN.
25. PR-1432-L08745
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menyediakan falsafah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi abad ke 21 yang lebih komprehensif dan inklusif bagi semua kaum di negara ini sebagai asas untuk membina perpaduan semua kaum di negara ini mengikut Perlembagaan Persekutuan dan dalam masa yang sama menyediakan tenaga kerja bagi keperluan industri 4.0 dan industri digital negara.

26. PR-1432-L09777
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai aset strategik negara termasuk Khazanah yang telah dijual oleh Kerajaan bermula dari tempoh 18 Mei 2018 sehingga 22 Februari 2020.
27. PR-1432-L09526
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan inisiatif *Malaysia Electricity Supply Industry 2.0* (MESI 2.0) yang merangkumi langkah-langkah untuk meningkatkan persaingan dalam rangkaian pembekalan elektrik dari pembelian bahan api ke penjualan runcit supaya industri ini tidak terus dimonopoli.
28. PR-1432-L09497
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kenapa arahan Menteri bertarikh 15 Mei 2020 berkenaan Spektrum 700MHz telah pun ditandatangani dan bukan melalui tender terbuka seperti yang dirancang oleh MCMC pada awal tahun 2020 dan apakah status dan strategi pengagihan spektrum tersebut sekarang. Nyatakan apakah status pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia.
29. PR-1432-L08913
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan alasan untuk dua sistem untuk kemasukan universiti, matrikulasi dan STPM dan sama ada terdapat satu kajian dan perubahan mengenai kuota perkauman untuk tempat matrikulasi bagi tahun 2020.
30. PR-1432-L09810
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) kesediaan Kementerian untuk bergerak ke arah penggunaan kenderaan elektrik (EV) tanpa pelepasan pencemaran (*zero-emission*); dan
 - (b) perancangan untuk memberi insentif kepada pengguna kenderaan elektrik (EV) di bawah Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 .

31. PR-1432-L09231
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menghulurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan infrastruktur di Pulau Pinang seperti pembinaan sistem LRT dan ERT yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini.
32. PR-1432-L08889
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bertindak dalam membantu sekolah-sekolah terutamanya di Parlimen Lubok Antu yang memerlukan sejumlah peruntukan untuk membaiki sekolah-sekolah yang daif keutamaan seperti SMK Engkelili.
33. PR-1432-L09145
Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Jawatankuasa Khas Kewangan Islam di bawah Kementerian Kewangan akan dikekalkan serta penyediaan *blueprint* Ekonomi Islam akan diteruskan.
34. PR-1432-L09209
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada ekonomi negara kita akan pulih daripada kerosakan yang disebabkan oleh wabak COVID-19 dan nyatakan tindakan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang yang sedang dan bakal diambil untuk mencapai sasaran pemulihan ini.
35. PR-1432-L09853
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan merancang untuk memberi subsidi yang serupa dengan skim My30 di Lembah Klang kepada pengangkutan awam seperti Bas Berhenti-henti di Sabah, terutamanya Sandakan.
36. PR-1432-L09054
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan pemberian bantuan input pertanian, ternakan dan perikanan untuk menggalakkan pengeluaran domestik di bawah pakej rangsangan ekonomi.

37. PR-1432-L09110
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan Status Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian pada masa yang akan datang.
38. PR-1432-L09591
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status pelan penyatuan tanah sawah.
39. PR-1432-L09340
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan dan penerbangan kadar tetap bagi Kuala Lumpur-Sibu dan Johor-Sibu pada musim perayaan Tahun Baru Cina pada tahun 2020 jika dibandingkan dengan tahun 2019 dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik Maswings/AirAsia juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim perayaan.
40. PR-1432-L09013
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam memulihkan kembali industri penerbangan negara yang terjejas teruk disebabkan oleh COVID-19.
41. PR-1432-L08886
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bayaran kepada pesakit Malaysia di bawah skim MySalam dalam tahun 2019. Adakah bayaran RM400 juta untuk perlindungan MySalam untuk tahun 2020 diperlakukan.
42. PR-1432-L09078
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah antara langkah-langkah yang dipertimbang Kerajaan bagi mencapai defisit fiskal di bawah 4 peratus. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

43. PR-1432-L09367
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa JKM gagal menyerahkan bakul makanan di bawah 'Garis Panduan Pengurusan Bantuan Khas Kepada Keluarga B40 Yang Terkesan Di Bawah PKP' kepada semua Ahli Parlimen untuk diagihkan kepada para penerima. Garis panduan ini dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan melalui surat KK/BPB(26.00) 202/2/2-3 JD.6(3).
44. PR-1432-L09329
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan terkini tentang e-WTP atau *electronic World Trade Platform*. Apakah masalah yang dihadapi oleh projek ini dan bagaimana mengatasinya.
45. PR-1432-L09576
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah kos yang terlibat dalam pembangunan aplikasi Gerak Malaysia dan MySejahtera dan jumlah muat turun setakat ini.
46. PR-1432-L09033
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan keseluruhan di bawah kategori bantuan sosial yang diagihkan oleh pelbagai Kementerian setakat suku kedua tahun 2020.
47. PR-1432-L09932
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) bilakah Kementerian akan meminda Kanun Keseksan dan Kanun Prosedur Jenayah untuk melindungi mangsa hendap (*stalking*), dan menggubal Rang Undang-undang Akta Gangguan Seksual (*Sexual Harassment Act*); dan
 - (b) penggubalan undang-undang yang khusus untuk menangani jenayah siber seperti buli siber, gangguan seksual dan '*hate speech*' di alam maya/media sosial.
48. PR-1432-L09849
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan berniat untuk mengatasi masalah kekurangan pendapatan yang diharapkan dan defisit dalam anggaran nasional kita dengan harga minyak global yang rendah.

49. PR-1432-L10054
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai kajian menyeluruh tentang pembalakan haram di negara ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mereka yang melakukan pembalakan haram tersebut.
50. PR-1432-L09647
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) serta dana pengagihan untuk pembinaan baru atau membaiki jalan raya serta jambatan khususnya di daerah Sik dan negeri Kedah serta kaedah pengagihan dana di semua negeri.
51. PR-1432-L09563
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan pendirian Kementerian terhadap cadangan pemansuhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara berkeluasan 930.93 hektar bagi tujuan pembangunan bercampur oleh Kerajaan Negeri Selangor.
52. PR-1432-L09256
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah Kementerian untuk membantu penyewa rumah kediaman yang telah hilang punca pendapatan akibat kegawatan ekonomi yang sedang berlaku.
53. PR-1432-L09945
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju dengan laporan '*Malaysia Economic Monitor*' (Jun 2020) oleh Bank Dunia baru-baru ini yang mengubah unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia untuk tahun 2020 dari 4.5% kepada 0.1%. Apakah langkah susulan Kementerian untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan IKS.
54. PR-1432-L09759
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah pembayaran dibuat pada atau sekitar bulan September 2016 oleh China Communications Construction Company Limited melalui anak syarikatnya True Dragon Properties kepada syarikat bernama Comoros Gulf For General Trading and Contracting; dan
 - (b) sekiranya demikian, bilakah sebenarnya pembayaran dibuat, berapa jumlah dan apa tujuannya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020.

2. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

Menyambung semula perbahasan atas masalah (20 Julai ,2020)

2. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) **Bacaan Kali Yang Kedua**
2019
[Menteri Kesihatan]
3. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan " (Pindaan) (No. 2) 2019
[Perdana Menteri]
4. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya " Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019
[Perdana Menteri]
5. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-
"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

6. PR-1432-U(27)116

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

7. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

8. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

11. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

14. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

15. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

16. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

17. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

19. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta passport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

21. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)132

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah

atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)131

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

24. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 158	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
ST. 172	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
ST. 174	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
ST. 175	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
ST. 176	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
ST. 178	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2018	21 Julai 2020
<u>TAHUN</u> <u>2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 39	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2019	21 Julai 2020

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 21.07.2020 (Selasa)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Tadbir Urus Tourism Malaysia	1. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya
2. 21.07.2020 (Selasa)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Status EMGS Sebagai Pusat Sehenti Bagi Pemprosesan Visa Pelajar Asing Dan Portal Pengurusan Pendidikan Tinggi	2. YB Menteri Pengajian Tinggi

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**